



SOALAN – SOALAN LAZIM PROGRAM REKALIBRASI TENAGA KERJA

1. Apakah itu Program Rekalibrasi Tenaga Kerja ?

Program Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

2. Siapakah yang layak menyertai Program ini?

KELAYAKAN MAJIKAN

- i. Hanya majikan daripada sektor **perkilangan, pembinaan, pertanian dan perladangan SAHAJA**;
- ii. Tertakluk kepada kuota yang diluluskan oleh JTKSM;
- iii. Pematuhan kepada syarat-syarat penggajian pekerja asing sedia ada seperti bayaran levi, kelayakan pas dan sebagainya; DAN
- iv. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam.

KELAYAKAN PATI

Terbuka kepada warga asing seperti berikut:

- i. Pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS), Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) termasuk Pembantu Rumah Asing yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) iaitu tinggal lebih masa di bawah Akta Imigresen 1959/63 pada atau sebelum 31 Disember 2020;
- ii. Pemegang PLKS yang melakukan kesalahan melanggar syarat pas di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang pasnya masih sah pada atau sebelum 31 Disember 2020.
- iii. Bukan pemegang PLKS yang dilaporkan lari daripada majikan;
- iv. Hanya daripada 15 negara sumber SAHAJA (Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, Turksmenistan, Uzbekistan, Kazakhstan, India dan Indonesia);
- v. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam;
- vi. Mempunyai dokumen perjalanan negara asal yang masih sah laku sekurang-kurangnya 18 bulan; DAN
- vii. Mempunyai slip keputusan negatif bagi ujian COVID-19 yang dibuat dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh janji temu.

3. Berapakah kos yang perlu dibayar bagi program ini?

KADAR BAYARAN		
Deposit	Kompaun	Lain-lain bayaran
RM 500.00 setiap pekerja asing (pembayaran secara atas talian)	RM 1,500.00 setiap pekerja asing	a. Pemeriksaan FOMEMA ; b. Levi; c. Pemprosesan; d. PLKS; dan e. Visa

Kaedah pembayaran adalah secara kad kredit dan kad debit **SAHAJA**. Pembayaran secara **TUNAI** tidak diterima.

4. Bilakah jangka masa / tempoh Program ini dilaksanakan?

Program ini dilaksanakan mulai 16 November 2020 sehingga 30 Jun 2021.

5. Adakah program ini melibatkan vendor atau pihak ketiga?

Program ini dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) / Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) tanpa penglibatan vendor atau pihak ketiga.

6. Bagaimana untuk menyertai Program ini?

Majikan perlu mengemukakan surat permohonan melalui emel rekalibrasi@imi.gov.my untuk menyertai Program Rekalibrasi Tenaga Kerja berserta lampiran lengkap. Majikan akan dihubungi oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk proses seterusnya.

Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut :

MAKLUMAT SYARIKAT	
Nama Syarikat	
No. ROC / SSM	
No. Telefon	
Alamat	
Sektor yang dipohon	
MAKLUMAT PATI	
Nama Pekerja	
No. Pasport	
Warganegara	
Jantina	
Tarikh Tamat Pas Terkini	

Pemohon juga perlu melayari laman web Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) di pautan <http://jtksm.mohr.gov.my> bagi mendapatkan maklumat berkenaan urusan-urusan di bawah jabatan tersebut termasuk kuota pekerja asing yang dipohon. Majikan diminta untuk terus memohon kuota di JTKSM tanpa perlu menunggu tarikh janji temu di JIM diperolehi.

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
NOVEMBER 2020